


# Ziarah

MD.  
SALLEH  
YAAPAR

# ke

# Timur




Dr. Md. Salleh Yaapar ialah Profesor Kesusasteraan Bandingan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau telah menerbitkan puluhan esei tentang kesusasteraan, agama / falsafah dalam jurnal-jurnal termasuk *Muslim World (USA)*, *Muslim Education Quarterly (UK)*, *Tenggara (Malaysia)*, dan *Ulumul Qur'an (Indonesia)*. Beliau ialah pengarang buku *Mysticism and Poetry: A Hermeneutical Reading of the Poems of Amir Hamzah*. Sumbangan beliau yang lain termasuklah bab-bab dalam beberapa buah buku mengenai kesusasteraan dan agama/ falsafah yang diterbitkan di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat. Buku terbaru beliau ialah *Kesusasteraan Bandingan dan Kesusasteraan Asia Tenggara Abad ke-21*.

Md. Salleh mendapat Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam bidang Pengajian Melayu, Sarjana Sastera dalam bidang Kesusasteraan Bandingan dari University of the Philippines, Quezon City, Filipina, Sarjana Sastera dan Doktor Falsafah dalam bidang Agama dan Kesusasteraan dari Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat.

Beliau pernah menjadi Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Sains Malaysia. Kini, beliau menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan).

# Ziarah T. ke Timur



Md. Salleh Yaapar

# Ziarah

MD.  
SALLEH  
YAAPAR

# ke Timur

PUSTAKA PERDANA



1012137

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2002



Cetakan Pertama 2002  
© Md. Salleh Yaapar 2002

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Md. Salleh Yaapar

Ziarah ke timur : ke arah keseimbangan pemikiran, ilmu dan penghayatan sastera / Md. Salleh Yaapar.

Bibliografi: hlm. 153

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-6511-2

1. Malay literature—History and criticism. 1. Judul.  
899.2309

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan



*Buat pejuang sistem  
dan kesejahteraan manusia  
serta mereka yang mengabdikan bicara Rumi:  
Cakap! Mengapa kaudiam?*



# Kandungan

<i>Penghargaan</i>	ix
<i>Prolog</i>	xi
<b>PEMIKIRAN</b>	
BAB 1 : Pascamodenisme: Suatu Tanggapan Kritis	3
BAB 2 : Mainan dan Afiriasi: Derrida dan Nietzsche dengan Cabaran Pemikiran Dekonstruktif	19

## KANDUNGAN

### HERMENEUTIKA, KRITIKAN DAN KEINDAHAN

BAB 3 : Kritikan Pascamoden dan Akar Pemikirannya	33
BAB 4 : Hermeneutika Ontologikal dan Hermeneutika Dekonstruktif: Pergeseran Teori Pemahaman Teks	47
BAB 5 : Ke Barat, ke Timur: Ke Arah Keseimbangan Penghayatan Ilmu dan Teori Sastra	58
BAB 6 : Ziarah ke Timur: <i>Ta'wil</i> sebagai Bentuk Hermeneutika Islam	70
BAB 7 : Kosmologi dan Seni Sastra Islam	81
BAB 8 : Transformasi Ontologikal dan Keindahan Patetik dalam Teori Kesusasteraan Jepun	95

### KONTEKS DAN PENGHAYATAN

BAB 9 : Feminisme dan Kesusasteraan Bandingan dalam Konteks Asia Tenggara	109
BAB 10 : Kesusasteraan dalam Konteks Peradaban Abad ke-21	120
BAB 11 : Relevansi Kesusasteraan bagi Kehidupan: Penegasan Kembali pada Saat-saat Perhitungan	135
<i>Epilog</i>	151
<i>Bibliografi</i>	153
<i>Indeks</i>	165

## Penghargaan

**P**ENULISAN esei dan penyusunan buku ini ialah hasil perbincangan dengan teman-teman sarjana di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Jakarta, Philadelphia dan Bandar Seri Begawan. Sehubungan itu, penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka.

Ribuan terima kasih juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana menerbitkan buku ini. Hal ini disebabkan, idea dan pemikiran yang terkandung dalam buku ini, dibincangkan buat pertama kalinya di Dewan Bahasa dan Pustaka. Terima kasih yang khusus kepada para editor yang menangani buku ini, iaitu Sdr. Mohamad Yussof Ishak, Sdr. Asmiah Abd. Ghani dan Sdr. Azmi Ibrahim.

## PENGHARGAAN

Ketika menghasilkan buku ini, pastinya saya memerlukan ilham dan dorongan untuk terus berkarya. Untuk buku ini, ilham dan dorongan tersebut diperoleh daripada individu yang paling saya sayangi, iaitu Fatimah Ali, Farhan Salleh dan Farhana Fatimah. Kepada mereka dirakamkan ribuan penghargaan yang tidak terhingga.

# Prolog

**P**ROLOG ini sederhana sifatnya. Ia tidak seperti prolog abadi di langit atau di bumi yang terdapat dalam puisi-puisi *Faust* oleh J.W. von Goethe atau *Jawid Namah* oleh Muhammad Iqbal. Prolog ini merujuk khusus kepada persoalan kesusasteraan semasa dan serantau yang menjadi tumpuan perbincangan dalam buku ini. Namun, ia turut menggemakan kepercayaan abadi terhadap sifat manusia yang unggul, dengan kesedaran dan aspirasinya yang tinggi, walau apa pun kelemahan yang ada padanya sebagai insan. Khususnya, ia yakin bahawa dengan kesedaran yang mendalam dan usaha sama yang serius, pengarang, khalayak, pengkaji dan pemikir serantau akhirnya

## PROLOG

mampu membina suatu tradisi kesusasteraan tersendiri yang cukup bererti, bagaimanapun terikatnya mereka pada satu-satu masa dengan suatu tradisi yang dominan.

Sesuai dengan kepercayaan tersebut, buku ini dibentuk daripada rangkaian esei yang semuanya mendukung sebuah cita-cita, iaitu untuk berperanan dalam usaha ke arah pembinaan tradisi kesusasteraan serantau yang besar, berwibawa, bererti, dan berperibadi tinggi. Usaha ini sudah tentu tidak terpisah daripada cita-cita dan upaya raksasa yang telah lama digerakkan dan kini semakin diperteguh, iaitu pembinaan semula tradisi kesusasteraan dan tamadun Asia dan Timur yang gilang-gemilang seperti yang pernah diungkapkan oleh salah seorang pelopornya, Iqbal:

Seluruh Timur kini tidur;  
– terlindung daripada pandangan bintang-bintang. –  
Telah kuciptakan pagi hari;  
melalui melodi kehidupan.

Rangkaian esei dalam buku ini ialah hasil dialog luaran dan dalaman, renungan, serta pelbagai wacana teoritis dan kritis di dalam dan di luar negara secara berterusan. Ia berbicara secara terus terang, dan kerap kali secara bandingan, tentang beberapa aspek pemikiran, teori, kaedah dan amalan kesusasteraan di Barat dan Timur dengan satu tujuan, iaitu untuk mewujudkan keseimbangan yang sihat dalam pemikiran, ilmu, dan penghayatan kesusasteraan di rantau ini, khususnya di Malaysia, Indonesia, Sihgapura, Brunei Darussalam.

Seperti yang diketahui, akibat proses penjajahan kuasa-kuasa Barat yang panjang, maka dalam amalan kesusasteraan di rantau ini umumnya yang, dijadikan rujukan dan ikutan buat beberapa lama hanyalah konvensi, pemikiran dan perkembangan di negara-negara Barat semata. Amat sedikit, atau hampir tiada, rujukan dibuat terhadap pemikiran dan konvensi di negara-negara Timur, termasuk pemikiran umat dan bangsa sendiri. Tanpa peluang untuk membanding, dan dengan tidak mempedulikan seruan para

## PROLOG

penganjur kebangkitan Asia dan Timur, tumpuan perhatian dalam hampir semua perkara yang berkaitan dengan penghasilan dan penghayatan kesusasteraan terus diberikan kepada negara-negara di benua Eropah dan Amerika dan negara-negara lain yang berada di bawah pengaruh mereka. Selaras itu maka hampir semua yang timbul dan dikembangkan di sana - daripada kritikan baru, psikoanalisis, dan strukturalisme hingga kepada pascastrukturalisme, dekonstruksi, dan kesusasteraan feminis - diterima dan diikuti. Umumnya hal ini dilakukan tanpa banyak pertimbangan atau renungan yang mendalam, terutama dari segi asas falsafah dan implikasinya ke atas pandangan hidup, sistem kepercayaan, dan sistem nilai bangsa dan umat sendiri.

Renungan yang mendalam dan kritis tidak dibuat kerana kebanyakan orang sudah dibiasakan dan terikat dengan idea bahawa kesusasteraan Barat itu paradigmatic, dan justeru itu secara automatik perlu dicontohi. Idea ini berasaskan andaian bahawa segala sesuatu yang dihasilkan di Eropah dan di Amerika bermutu tinggi dan bersifat sarwajagat. Sebab itu ia dianggap sesuai untuk ikutan dan penghayatan semua manusia dalam semua budaya di seluruh pelusok dunia. Sedikit sekali disedari bahawa, seperti pengalaman manusia lain, pengalaman manusia Barat itu kuat terikat dengan nilai-nilai dan iklim budaya mereka yang tersendiri. Justeru itu, ia tidak semestinya bersifat sarwajagat atau sesuai dengan manusia lain di tempat lain.

Kekurangan pertimbangan dan renungan ini menjadi lebih menonjol apabila yang dirujuk dan diterima itu hanyalah pemikiran, teori, dan amalan kesusasteraan Barat daripada kategori moden dan pascamoden. Unsur-unsur pemikiran, teori, dan amalan daripada warisan Barat tradisional, dan yang lebih bersifat kerohanian, umumnya tidak diambil peduli. Sedangkan unsur-unsur daripada warisan ini mempunyai lebih banyak analogi dan pertalian dengan khazanah kesusasteraan di rantau ini, khususnya dan di Timur amnya.

Rujukan terhadap tradisi Barat, dan pengabaian tradisi Timur menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam

## PROLOG

pemikiran, ilmu, dan penghayatan kesusasteraan di rantau ini. Lebih daripada itu, ia telah menyebabkan kesusasteraan terpisah daripada tradisi bangsa dan umatnya sendiri, dan daripada tradisi Timur umumnya. Lama-kelamaan akan jadilah ia kesusasteraan yang tidak berakar dan tidak beridentiti, dan yang tidak pula serasi dengan persekitarannya.

Sebagai suatu langkah ke arah membetulkan keadaan dan mewujudkan keseimbangan, bab-bab dalam buku ini mengajak pengarang, pembaca, pengkaji, pemikir, dan peminat kesusasteraan di rantau ini merenung secara lebih mendalam beberapa aspek pemikiran, ilmu, teori, dan amalan dalam kesusasteraan Barat. Lebih daripada itu pula, ia mengundang untuk berziarah ke Timur. Jika dilaksanakan secara penuh keterbukaan, ziarah ini membolehkan mereka menghayati dan mencari manfaat daripada unsur-unsur pemikiran, ilmu, teori, dan amalan yang positif dan transformatif dalam pelbagai tradisi kesusasteraan Timur yang begitu tua dan kaya. Semoga dengan itu penggerak dan pengamal kesusasteraan di rantau ini mempunyai persiapan dan contoh yang lebih, serta bervariasi pula, dalam usaha mencerna dan membentuk tradisi kesusasteraan sendiri.

Perlu dijelaskan di sini bahawa istilah Timur dalam buku ini umumnya merujuk lingkungan geografis yang luas yang di dalamnya pernah tumbuh dan mekar beberapa peradaban yang berteraskan ajaran kerohanian atau nilai-nilai murni. Ini termasuklah peradaban-peradaban Islam, India, Cina, Jepun, dan Melayu. Akan tetapi seperti yang tertonjol pada bahagian tertentu, Timur (*al-mashriq, orient*) juga merujuk ufuk hikmat ketimuran (*hikmat al-mashriqiyya*) dalam ajaran Ibn Sina yang dicirikan oleh pencerahan dan iluminasi Ilahi. Seperti yang pernah dijelaskan oleh Henry Corbin, inti pati *mashriq/orient* ialah fajar yang menyingsing. Justeru itu, dalam tradisi pemikiran Islam *mashriq* dimengertikan sebagai fajar abadi dan petunjuk arah atau orientasi dari Alam Tinggi. Lawannya, *maghrib* (Barat), dimaksudkan sebagai kegelapan. Apabila fajar abadi menjelma dan menyinari jiwa manusia, maka dapatlah manusia berkenaan keluar daripada kege-

## PROLOG

lapan yang menyelubunginya, menghayati dimensi kerohanian, melihat kebenaran dan seterusnya mendekati/menemui Realiti Yang Hakiki. Dalam konteks inilah ziarah ke Timur, dan pelarian dari Barat, mempunyai pengertian dan implikasi yang mendalam bagi perkembangan kesusasteraan, iaitu sebagai sebuah perjalanan kerohanian dan pencarian hikmat yang akhirnya membolehkan manusia mencipta dan menghayati karya-karya rohaniah, melihat kebenaran dan mendekati/menemui Realiti Yang Hakiki.

Seperti yang ketara pada bab-bab awal, dalam meng-anjurkan ziarah ke Timur saya tidak pula bermaksud menolak secara melulu setiap unsur kesusasteraan yang datang dari Barat atau dari wilayah geografis lain. Sebaliknya, saya berpendirian bahawa semua yang mendatangi atau yang dicari itu harus didepani, diteliti, difahami, dan dinilai dengan ilmu yang mencukupi dan secara kritis pula. Mana-mana yang positif, bermanfaat dan cocok dengan kehidupan dan tradisi budaya sendiri yang murni haruslah diterima, dicerna, dan diintegrasikan dengan sebaik-baiknya. Yang lainnya perlulah dibuang atau diketepikan. Sepertimana seseorang tidak wajar menolak unsur-unsur luaran secara melulu, tentulah ia juga tidak boleh menerimanya tanpa usul periksa. Inilah suatu kaedah yang baik untuk menentukan kesusasteraan rantau ini berkembang, kaya, dan cukup relevan serta bermakna kepada bangsa dan umatnya, terutama dalam rangka persiapan memasuki abad ke-21.

Dalam melaksanakan kaedah tersebut tentunya nilai-nilai kesusasteraan dan kebudayaan sendiri, yang banyak bersumberkan ajaran kerohanian yang abadi, harus berfungsi sebagai teras dan neraca. Dan tidak nilai-nilai asing daripada kesusasteraan dan kebudayaan luar, walau bagaimana sekalipun dominan kedudukannya kini pada peringkat antarabangsa.



# PEMIKIRAN



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



## BAB 1

# Pascamodenisme: Suatu Tanggapan Kritis

**M**ENURUT pandangan para sarjana Barat, mulai pertengahan dekad keenam abad ini manusia sudah meninggalkan dunia moden. Manusia sudah memasuki dunia pascamoden, atau situasi yang disebut pascamodeniti. Seiring dengan itu manusia juga dikatakan telah dilanda oleh pascamodenisme.

Pandangan ini sedikit sebanyak sudah diterima di Malaysia. Hal ini terjadi walaupun belum dikenal pasti secara sah, apakah manusia itu merujuk umat manusia seluruhnya, termasuk orang Melayu dan orang Islam lainnya atau, pada dasarnya, ia masih terhad kepada manusia di Barat (dan kelompok tertentu di luarnya) sahaja?

# Ziarah ke Timur



ISBN 983-62-6511-2

